

18 DEC 2000

Dewan-Terengganu (Hadi)

ROYALTI: KERAJAAN NEGERI AKAN AMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG

KUALA TERENGGANU, 18 Dis (Bernama) -- Kerajaan PAS Terengganu akan meneruskan hasratnya mengambil tindakan undang-undang terhadap kerajaan pusat untuk mendapatkan kembali hak royalti minyak, kata Menteri Besar Abdul Hadi Awang.

Beliau berkata usaha telah dibuat melalui pentadbiran dan saluran politik tetapi malangnya surat kerajaan negeri kepada Petronas dan Jabatan Perdana Menteri meminta penjelasan mengenai isu itu masih belum dijawab.

"Setelah mengambil kira perkara-perkara itu dan setelah melakukannya melalui saluran-saluran tertentu, maka kita rasakan telah tiba masa untuk diambil melalui tindakan undang-undang," katanya ketika menggulung perbahasan ucapan Belanjawan 2001 pada persidangan Dewan Undangan Negeri di sini, hari ini.

Beliau berkata kerajaan negeri pernah mengadakan perjumpaan dengan pihak pengurusan Petronas dan beliau sendiri mengadakan pertemuan secara tidak rasmi dengan Perdana Menteri semasa Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ogos lepas, dan yakin royalti minyak itu adalah hak kerajaan negeri.

Mengenai hubungan dengan kerajaan pusat, Abdul Hadi berkata Kerajaan PAS Terengganu sentiasa berusaha untuk menjalin hubungan dengan kerajaan pusat berdasarkan konsep persekutuan dan sistem demokrasi berparlimen di negara ini.

Beliau berkata kerajaan negeri telah menghantar dua pucuk surat kepada Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan pertemuan secara rasmi dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tetapi sehingga sekarang kita tidak menerima jawapan kedua-dua pucuk surat itu," katanya.

Abdul Hadi berkata kerajaan negeri sentiasa mahu menjalinkan hubungan yang baik dengan kerajaan pusat dan dianggap sebahagian daripada Persekutuan dengan syarat semua pihak berpegang kepada perjanjian yang dimeterai dan bertanggungjawab terhadap setiap perjanjian yang dibuat.

Beliau turut mengumumkan bayaran bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM500 kepada semua kakitangan kerajaan negeri dan bayarannya akan dibuat sebelum Hari Raya ini.

Persidangan Dewan hari ini juga meluluskan Enakmen Perbekalan (2001) 2000 yang berkuatkuasa 1 Jan depan.

Sementara itu, ketika ditemui selepas persidangan Dewan, Abdul Hadi menyokong nasihat Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya semua pihak segera menghentikan retorik perkauman.

PAS sebenarnya telah lama menimbulkan perkara itu, katanya ketika diminta mengulas kenyataan Abdullah itu.

Beliau yang juga Timbalan Presiden PAS berkata hubungan kaum sememangnya penting dan semua pihak perlu menerima hakikat bahawa semua kaum yang menjadi rakyat Malaysia adalah penduduk di negara ini.

-- BERNAMA

SN RON